

19 AUG 1998

Sabbaruddin-Pindaan

MESTI JADI ANGGOTA BEBERAPA TAHUN SEBELUM BOLEH BERTANDING

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Anggota Umno yang ingin bertanding untuk apa-apa jawatan parti pada masa akan datang mungkin perlu menjadi anggota untuk tempoh tertentu sebelum boleh berbuat demikian, kata Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik.

Menurut beliau, perkara itu merupakan antara cadangan yang dibincangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan Umno yang dipengerusikannya malam semalam.

Sabbaruddin, yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, berkata langkah itu dicadangkan bagi mengelak anggota mengamalkan budaya politik wang bagi merebut jawatan.

"Kita tidak mahu seseorang yang baru masuk hari ini tetapi sebab dia banyak duit esok dia beli undi sana-sini...kita tak mahu begitu," katanya selepas merasmikan Pameran Sukan dan Rekreasi di sini, hari ini. Pameran itu disertai beberapa syarikat swasta yang memasarkan barang sukan dan rekreasi.

Selain itu, katanya, juga dicadangkan seseorang yang ingin bertanding untuk jawatan anggota Majlis Tertinggi harus mendapat pencalonan lebih daripada dua bahagian berbanding sekarang yang mana pencalonan dari dua bahagian sahaja sudah cukup untuk bertanding.

Bagaimanapun, katanya jawatankuasa itu masih meneliti cadangan-cadangan itu.

Mengenai kemungkinan pemberian 10 undi sebagai bonus bagi pencalonan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden oleh setiap bahagian dimansuhkan, Sabbaruddin berkata tujuannya hanyalah untuk mengemaskini Perlembagaan Umno.

Beliau berkata, peraturan mengikut Fasal 7.3 Perlembagaan Umno itu dahulunya diperkenalkan bagi mencegah berlakunya politik wang dalam parti.

"Kita cuma mahu sistem yang lebih baik lagi. Walaupun fasal berkenaan baik, kita boleh perbaiki lagi," katanya.

Sabbaruddin bagaimanapun enggan memberitahu apa keputusan yang diambil oleh jawatankuasa itu pada mesyuarat malam semalam.

Sementara itu, beliau berkata Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah diarahkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membuat kajian secara serius bagi menjadikan Pulau Labuan sebagai destinasi pelancongan yang bermutu.

Kementerian itu akan membuat kajian secepat mungkin untuk mempertingkatkan promosi khas untuk Pulau Labuan terutama di negara-negara seperti Jepun, New Zealand dan Australia.

Minggu lepas ketika berucap pada Majlis Bersama Rakyat di Labuan, Dr Mahathir meminta pihak berkuasa di pulau itu serta penduduknya mengindahkan kawasan sekeliling dengan lanskap bagi menjadikannya sebagai pulau tercantik di dunia.

-- BERNAMA

NHZ PR